

HUBUNGAN ANTARA SIKAP IBU BAPA DAN MURID DENGAN  
PENCAPAIAN BAHASA MELAYU MURID DI SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN CINA DAERAH BATU PAHAT, JOHOR

TAN CHENG YEE

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan Psikologi

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

## **DEDIKASI**

Laporan projek ini didedikasikan khas buat ibu dan ayah tercinta, isteri yang disayangi dan Prof. Madya Dr. Zainudin Bin Abu Bakar.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya, hasil usaha dan kerja keras selama ini dalam membangunkan laman web bagi tajuk Kebarangkalian telah membuahakan hasil. Segala kesulitan dan rintangan yang ditempuhi dapat diharungi dengan rahmat dan kasih sayang daripada-Nya.

Sepanjang proses pembangunan dan penulisan laporan, pelbagai rintangan dan dugaan telah dihadapi dengan bantuan banyak pihak. Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia, Prof. Madya Dr. Zainudin Bin Abu Bakar yang banyak menghulurkan bantuan dan nasihat serta tidak jemu-jemu melayan kerenah saya. Semoga Allah membalas jasa baik encik serta mendapat rahmat dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang telah meluangkan masa untuk menghulurkan bantuan dan meringankan bebanan yang ditanggung oleh saya. Terima kasih juga diucapkan buat mereka yang sentiasa menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga projek ini selesai. Hanya Allah yang dapat membalas jasa baik kalian. Terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sikap ibu bapa dan murid terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Baru Pahat Johor. Sampel kajian yang terdiri daripada 233 orang guru yang dipilih secara rawak dari lima buah sekolah rendah yang terdapat di Daerah Batu Pahat, Johor. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik yang direka oleh pengkaji dan dibahagikan kepada dua bahagian bagi mengukur sikap ibu bapa dan murid. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik bahagian ibu bapa adalah 0.740 dan bahagian murid adalah 0.849. Data terkumpul dianalisis melalui analisis statistik deskriptif dan juga analisis statistik inferensi dengan menggunakan *Statistical Package for social Sciences Version 20 (SPSS)*. Keputusan kajian menunjukkan bahawa sikap ibu bapa murid berada pada tahap yang tinggi (Min=3, N=233) dan sikap murid berada pada tahap yang sederhana (Min= 2.0687, N=233). Hasil kajian akhir menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara sikap ibu bapa dan murid dengan pencapaian Bahasa Melayu murid ( $r = 0.027$ ,  $p = 0.686$  dan  $r = 0.605$ ,  $p = 000$ ). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa jika sikap ibu bapa dan murid adalah tinggi, maka pencapaian Bahasa Melayu murid akan tinggi. Beberapa cadangan juga dibincangkan.

## ABSTRACT

This study aimed to determine the attitudes of parents and students to the achievement of Malay language among pupils in Year 5 SJKC in District Batu Pahat, Johor. The study sample consisted of 233 teachers randomly selected from five primary schools in Batu Pahat District, Johor. This study is a quantitative study that uses a questionnaire instrument designed by the researcher and divided into two parts to measure the attitudes of parents and students. The reliability of the questionnaire instrument of the parent part was 0.740 and the pupil part was 0.849. The collected data were analyzed through descriptive statistical analysis and also inferential statistical analysis using Statistical Package for Social Sciences Version 20 (SPSS). The results of the study showed that the attitudes of students' parents were at a high level (Mean = 3, N = 233) and students' attitudes were at a moderate level (Mean = 2.0687, N = 233). The results of the study show that there is a positive relationship between parental attitudes and student achievement Malay students ( $r = 0.027$ ,  $p = 0.686$  and  $r = 0.605$ ,  $p = 0.000$ ). Therefore, it can be concluded that if the attitude of parents and students is high, then the achievement of Malay students will be high. Some suggestions are also discussed.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENAAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis	7
	1.7 Kerangka konsep	7
	1.8 Kerangka Teori	8
	1.8.1 Teori Pembelajaran Sosial	8
	1.8.2 Teori Ekologi	9
	1.9 Kepentingan Kajian	10
	1.9.1 Pihak Pentadbir Sekolah	10
	1.9.2 Guru	11
	1.9.3 Murid, Penyelidik Dan Masyarakat	11
	1.10 Skop kajian	11
	1.11 Definisi Istilah dan Operasional	13
	1.11.1 Sikap Ibu Bapa	13

1.11.2	Sikap Murid	14
1.11.3	Demografi	14
1.12	Kesimpulan	14
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Masalah Murid-Murid Cina SJKC Belajar Bahasa Melayu	15
2.3	Sikap Ibu Bapa Dalam Galakkan Menggunakan Bahasa Melayu	17
2.3.1	Teori Pembelajaran Sosial	19
2.4	Sikap Murid Terhadap Bahasa Melayu	20
2.4.1	Teori Pembelajaran Sosial	22
2.5	Faktor Demografi	23
2.5.1	Jantina	23
2.6	Kesimpulan	24
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>25</b>
3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Lokasi Kajian	27
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	28
3.5	Instrumen Kajian	30
3.5.1	Bahagian A : Faktor Demografi	31
3.5.2	Bahagian B : Sikap Murid Terhadap Bahasa Melayu	31
3.5.3	Bahagian C : Sikap Ibu Bapa Terhadap Bahasa Melayu	32
3.5.4	Bahagian D : Data Pencapaian Bahasa Melayu	33
3.5.5	Rumusan Instrumen Soal Selidik	33
3.5.6	Proses Pembangunan Instrumen	35
3.6	Kajian Rintis	35
3.6.1	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Bahagian B	37
3.6.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Bahagian C	38

	3.6.3 Rumusan Kajian Rintis	39
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	39
3.8	Kaedah Analisis Data	41
	3.8.1 Statistik Deskriptif	41
	3.8.2 Statistik Inferensi	41
	3.8.3 Penentuan Aras	43
3.9	Kesimpulan	45
<b>BAB 4</b>	<b>CADANGAN KERJA</b>	<b>46</b>
4.1	Pengenalan	46
4.2	Bahagian A : Analisis Data Deskriptif	48
	4.2.1 Maklumat Demografi Responden	48
	4.2.2 Analisis Data Pencapaian Bahasa Melayu Murid Tahun 5	48
	4.2.3 Analisis Data Terhadap Tahap Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	49
	4.2.4 Analisis Data Terhadap Tahap Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	50
4.3	Bahagian B : Analisis Data Inferensi	51
	4.3.1 Analisis Perbezaan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Tahun 5 Berdasarkan Jantina	51
	4.3.2 Analisis Perbezaan Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina	53
	4.3.3 Analisis Hubungan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	55
	4.3.4 Analisis Hubungan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	56
4.3	Rumusan Keputusan Kajian	57
4.4	Kesimpulan	59
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN AKAN DATANG</b>	<b>61</b>
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	61
	5.2.1 Tahap Pencapaian Bahasa Melayu Murid	62



5.2.2	Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	62
5.2.3	Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	63
5.2.4	Perbezaan Antara Pencapaian Bahasa Melayu Murid Berdasarkan Jantina	64
5.2.5	Perbezaan Antara Sikap Murid Berdasarkan Jantina	64
5.2.6	Hubungan Antara Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Murid.	65
5.2.7	Hubungan Antara Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Ibu Bapa.	66
5.3	Keputusan	66
5.4	Implikasi Kajian	67
5.5	Cadangan Kajian	68
5.5.1	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	68
5.5.2	Cadangan Kepada Pihak Pentadbir JPN dan PPD	69
5.5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	69
5.6	Kesimpulan	70
	<b>RUJUKAN</b>	<b>73</b>

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Sikap Murid Dan Pecahan Item Positif Negatif	32
Jadual 3.2	Sikap Ibu Bapa Dan Pecahan Item Positif Negatif	33
Jadual 3.3	Rumusan Pembahagian Instrument (Soal Selidik)	34
Jadual 3.4	Skor Pemarkahan Bagi 3-Skala Likert Item Positif Dan Item Negatif	34
Jadual 3.5	Tahap Pencapaian Bahasa Melayu	34
Jadual 3.6	Interpretasi Skor Alpha-Cronbach	37
Jadual 3.7	Interpretasi Skor Alpha-Cronbach	38
Jadual 3.8	Interpretasi Skor Alpha-Cronbach	39
Jadual 3.9	Bilangan Item Bahagian B dan Bahagian C Sebelum dan Selepas Analisis SPSS	39
Jadual 3.10	Rumusan Kaedah Analisis Data	42
Jadual 3.11	Skor Pemarkahan Bagi 3-Skala Item Positif Dan Item Negatif	43
Jadual 3.12	Kiraan Julat Tahap Min Skor	44
Jadual 3.13	Interpretasi Skor Min	44
Jadual 3.14	Saiz Pekali Korelasi dan Kekuatan Korelasi	44
Jadual 4.1	Pengagihan dan Penerimaan Kembali Borang Soal Selidik (Google Form)	47
Jadual 4.2	Jantina	48
Jadual 4.3	Taburan Kekerapan, Peratus, dan Min bagi Tahap Pencapaian Bahasa Melayu Murid Tahun 5	49
Jadual 4.4	Taburan Kekerapan, Peratus, dan Min Bagi Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	49
Jadual 4.5	Taburan Kekerapan, Peratus, dan Min Bagi Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu	50
Jadual 4.6	Ujian Normaliti Shapiro-Wilk	51
Jadual 4.7	Rank untuk Tahap Pencapaian Bahasa Melayu Mengikut Jantina.	52

Jadual 4.8	Keputusan <i>Mann-Whitney U test</i> Untuk Tahap Pencapaian Bahasa Melayu Mengikut Jantina.	52
Jadual 4.9	Ujian Normaliti Shapiro-Wilk	53
Jadual 4.10	Rank Untuk Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina.	54
Jadual 4.11	Keputusan <i>Mann-Whitney U test</i> Untuk Tahap Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina.	54
Jadual 4.12	Hubungan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	55
Jadual 4.13	Hubungan Antara Pencapaian Bahasa Melayu Murid Dengan Sikap Ibu Bapa Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	57

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangkan konsep	8
Rajah 3.1	Reka bentuk persampelan kajian	29

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal Selidik	76

# **BAB 1**

## **PENGENAAN**

### **1.1 Pengenalan**

Meunurut Chew Fong Peng (2016), Bahasa Melayu adalah bahasa media di dalam sistem pendidikan Malaysia sama ada peringkat universiti, peringkat sekolah menengah dan peringkat sekolah rendah atau sekolah tadika. Pada dekad 1970-an, pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan telah meningkatkan taraf Bahasa Melayu dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh semua rakyat Malaysia terutama murid-murid di sekolah. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017 dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) Semakan telah mendatangkan sesuatu perubahan atau reformasi yang penting kepada penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu.

Menurut kajian Chew dan Lee (2009) menyatakan bahawa murid-murid kaum Cina di SJKC tidak berjaya untuk menguasai kemahiran penulisan dan sebutan dalam subjek Bahasa Melayu. Biasanya, murid-murid Cina SJKC sentiasa menghadapi masalah penguasaan Bahasa Melayu, walaupun juga terdapat sesetengah murid SJKC boleh menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Tetapi tidak boleh dinafikan, kebanyakan murid Cina di SJKC telah menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu.

Masalah penguasaan Bahasa Melayu selalu disebabkan oleh faktor luaran seperti sikap ibu bapa, pengaruh persekitaran dan kaedah pengajaran guru dan juga faktor dalaman yang berkaitan dengan diri mereka sendiri dan lain-lain lagi.

Anima (1994) telah menjelaskan ibu bapa adalah guru yang terawal terhadap anak-anak mereka. Perana ibu bapa sangat penting dan memberi kesan kepada

pencapaian akademik kanak. Beliau juga menyatakan bahawa ibu bapa merupakan faktor yang utama bagi mempengaruhi perkembangan kanak-kanak sampai mereka cukup matang melalui bimbingan dan pendidikan yang sempurna dalam rumah.

Jantina juga adalah satu faktor yang penting dan akan mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid. Nadhilah Abdul Pital dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018) telah menyatakan bahawa perbezaan jantina antara perempuan dan lelaki akan memberika kesan terhadap kecenderungan, minat dan tingkah laku sendiri dalam proses pembelajaran sesuatu. Biasanya, murid perempuan lebih suka belajar berbanding dengan murid lelaki. Murid perempuan lebih suka aktiviti yang lebih statik seperti baca buku, melukis, membuat kerja rumah dan sebagainya. Sebaliknya, murid lelaki lebih suka aktiviti bersifat sukan dan bermain.

Kajian Mahamod dan Embi (2006) juga membuktikan bahawa murid perempuan akan menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding dengan murid lelaki dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini telah menunjukkan sika murid perempuan lebih proaktif berbanding dengan murid lelaki. Oleh itu, pencapaian akademik murid perempuan akan lebih baik berbanding dengan murid lelaki.

Kajian Masyuniza Yunos (2015) menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang kuat antara sikap murid terhadap Bahasa Melayu dengan penyepaduan kemahiran abah ke-21 dan mereka mempunyai korelasi yang positif. Dapatan ini telah membuktikan sikap murid adalah faktor yang sangat penting.

Menurut Gardner (1983), bahawa sikap merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan murid dalam kemahiran menguasai pembelajaran bahasa kedua. Sikap yang negatif seperti memandang rendah dan membenci kepada sesuatu bahasa juga akan menyukarkan proses pembelajaran dan mempengaruhi keputusan pembelajaran bahasa kedua (Nur Hayati 2002). Sikap murid sebagai satu unsur yang penting dalam penguasaan pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, ibu bapa merupakan insan yang terdekat dengan murid dalam kehidupan sejak kecil. Sikap ibu bapa juga akan memberi kesan kepada keberkesanan penguasaan Bahasa Melayu murid.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Menurut Zamri Mahamod, Kamaliah Ayu Ab. Ghani Dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016), kemunduran pencapaian dalam peperiksaan murid bukan Melayu dalam subjek Bahasa Melayu semakin membimbangkan. Selain itu, Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mengeluarkan laporan tentang kemerosoran peratusan pencapaian murid ini.

Dalam kajian Nursidah et al. (2010), telah menyatakan bahawa 89% murid yang bukan Melayu lemah dalam penguasaan tatabahasa. Biasanya, murid-murid kaum Cina gagal menguasai penulisan dan sebutan Bahasa Melayu dengan baik.

Menurut Ang Lay Hoon dan Che Radiah Mezah (2012), bahawa murid-murid Cina menghadapi masalah Bahasa Melayu dalam aspek sebutan, pemahaman, dan juga penulisan. Oleh itu, pencapaian Bahasa Melayu di kalangan murid sekolah rendah Cina menunjukkan keadaan yang tidak optimistik. Murid-murid yang menguasai Bahasa Melayu yang lemah akan menyebabkan mereka tidak rela untuk masuk ke sekolah menengah kebangsaan semasa tamat pelajaran sekolah rendah. Masalah ini mungkin menjadi satu penghalang yang besar dalam usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan anak-anak etnik lain kecuali kaum Melayu memasuki sekolah kebangsaan demi integrasi bangsa.

Kajian Busch (1995) menyatakan bahawa jantina dikaitkan dengan mengenai isu kecekapan sendiri murid dalam subjek matematik dan sains juga dari segi penggunaan komputer yang menimbul perbezaan antara jantina yang agak ketara. Oleh itu, jantina juga dianggap sebagai pemboleh ubah yang penging dan akan mempengaruhi pencapaian Bahasa Melayu di kalangan murid.

Kajian Bridgement & Wendler (1995) telah menunjukkan prestasi pelajar perempuan lebih tinggi. Selain itu, menurut Sutherland (dalam Tinklin, Croxford, Frame & Ducklin 2000) juga menjelaskan bahawa pencapaian murid perempuan akan lebih baik berbanding murid lelaki adalah satu fenomena yang biasa atau menyeluruh dan berlaku di negara kita.



Menurut Amina (1994) bahawa keluarga atau ibu bapa merupakan guru yang terawal bagi anak-anak. Pemikiran dan sikap ibu bapa akan mempengaruhi anak-anak sehingga mereka dewasa melalui bimbingan dan pendidikan yang sempurna di rumah. Oleh itu, keluarga merupakan faktor yang paling utama dan akan mempengaruhi perkembangan anak-anak. Ibu bapa akan mempengaruhi pencapaian murid dalam bidang akademik dan termasuklah Bahasa Melayu.

Menurut Abdul Rahim Bin Abu (2015) menyatakan murid yang mempunyai sikap dan kepercayaan yang negatif akan menggunakan strategi yang kurang berkesan. Murid yang tidak suka Bahasa Melayu akan menyebabkan pencapaian Bahasa Melayu lagi teluk.

Sikap ibu bapa dan sikap murid sendiri akan mempengaruhi pencapaian Bahasa Melayu murid. Hubungan yang besar antara sikap ibu bapa dan murid dengan pencapaian Bahasa Melayu sangat bermakna untuk dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji perhubungan antara sikap ibu bapa dan sikap murid dengan pencapaian Bahasa Melayu.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Sikap ibu bapa dan murid telah menjadi satu unsur yang penting dan juga memberikan kesan dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid. Sikap ibu bapa dan murid terhadap Bahasa Melayu yang positif atau proaktif akan memotivasikan murid untuk belajar Bahasa Melayu dan sebaliknya sikap ibu bapa dan murid terhadap Bahasa Melayu yang tidak peduli akan memberikan kesan yang negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid.

Zainudin Abu Bakar & 1Fazilah Tumin (2011) menyatakan bahawa peranan ibu bapa merupakan suatu faktor yang sangat penting dalam proses pembelajaran kanak-kanak. Ibu bapa telah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid.

Nadhilah Abdul Pital dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018) menyatakan bahawa murid perempuan bukan Melayu banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding dengan murid lelaki di luar sekolah atau kelas dalam semua kemahiran bahasa terangkumi kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis.

Kajian ini akan menumpukan kepada perhubungan antara sikap ibu bapa dan sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian Bahasa Melayu. Kajian ini akan dijalankan ke atas lima buah sekolah rendah untuk mengkaji samada terdapat perhubungan antara sikap ibu bapa dengan pencapaian Bahasa Melayu dan hubungan antara sikap murid dengan pencapaian Bahasa Melayu. Kajian akan melihat hubungan perbezaan jantina dengan pencapaian Bahasa Melayu. Kajian akan dijalankan di sekolah-sekolah rendah yang terdapat di Daerah Batu Pahat, Johor sahaja.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa objektif. Antara objektif kajian ini adalah untuk:

1.4.1 Mengukur tahap pencapaian murid-murid SJKC di daerah Batu Pahat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.4.2 Mengenalpasti sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.4.3 Mengenalpasti sikap ibu bapa terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.4.4 Menentukan perbezaan antara pencapaian Bahasa Melayu murid berdasarkan jantina.

1.4.5 Menentukan perbezaan antara sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan jantina.

1.4.6 Mengukur perkaitan antara sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.4.7 Mengukur perkaitan antara sikap ibu bapa terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini juga membentuk kepada beberapa persoalan yang penting. Antara persoalan kajian yang terbentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Apakah tahap pencapaian murid-murid SJKC di daerah Batu Pahat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.5.2 Apakah sikap ibu bapa terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.5.3 Apakah sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.5.4 Adakah terdapat perbezaan antara pencapaian Bahasa Melayu murid berdasarkan jantina?

1.5.5 Adakah terdapat perbezaan antara sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan jantina?

1.5.6 Adakah perkaitan antara pencapaian Bahasa Melayu murid dengan sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

1.5.7 Adakah perkaitan antara pencapaian Bahasa Melayu murid dengan sikap ibu bapa terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

## **1.6 Hipotesis**

Hipotesis yang dibentuk dan dibina untuk mencapai objektif kajian dan persoalan kajian adalah seperti berikut:

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu murid berdasarkan jantina.

Ho 2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan jantina.


Ho 3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu murid dengan sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Ho 4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu murid dengan sikap ibu bapa terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **1.7 Kerangka konsep**

Secara keseluruhannya kerangka konsep ini penting kerana ia memfokuskan kepada konsep dalam aspek sikap ibu bapa dan murid memberi kesan kepada tahap prestasi Bahasa Melayu. Kerangka konsep ini juga menunjukkan hubungan yang jelas antara keempat-empat pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

Berdasarkan kerangka konsep yang ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.1, faktor sikap ibu bapa, murid dan demografi adalah merupakan tiga jenis pemboleh ubah bebas atau tidak bersandar dalam kajian ini. Tiga dimensi dalam lingkungan ini bertindak sebagai pemboleh ubah tidak bersandar kerana ia merupakan faktor yang boleh memberi kesan kepada pencapaian terhadap bahasa Melayu. Manakala pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid adalah pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1.1 Kerangka konsep

Kajian yang dilaksanakan adalah kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif dengan menggunakan penyelidikan tinjauan. Penkaji telah mereka bentuk alatan penyelidikan tinjauan ini. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik yang disediakan oleh pengkaji yang melibatkan empat komponen utama kajian. Borang soal selidik tersebut akan diedarkan kepada responden melalui *google form* secara *online*. Lima buah sekolah telah terlibat dalam pengedaran soal selidik tersebut. Borang ini akan dikumpul semula untuk pemprosesan data oleh penyelidik sendiri.

## 1.8 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada Teori pembelajaran sosial dan Teori ekologi. Dua kerangka teori ini menjadi asas untuk digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji mendapati teori-teori ini mempengaruhi kelemahan dari aspek tersebut. Teori-teori ini digunakan secara konsisten dalam kajian ini.

### 1.8.1 Teori Pembelajaran Sosial

Menurut Bandura (1977), Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai suatu pembelajaran yang berlaku dengan melalui proses memerhati insan lain

melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai contoh tingkah laku. Ini bermaksud alam sekitar dan juga orang-orang yang terdekat akan mempengaruhi tingkah laku.

Bandura juga menyatakan bahawa seseorang individu akan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku semula dengan melalui proses pemerhatian sesuatu tingkah laku daripada orang yang terdekat dengannya. Oleh itu, tingkah laku termasuklah tingkah laku yang agresif atau ganas akan dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep sendiri individu (Mahmood, 2001).

Teori Pembelajaran Sosial juga menyatakan bahawa tingkah laku murid akan dibentuk melalui proses peniruan atau pemerhatian tingkah laku daripada orang lain. Sikap ibu bapa terhadap Bahasa Melayu akan mempengaruhi sikap murid terhadap Bahasa Melayu. Ibu bapa yang mementingkan mata pelajaran Bahasa Melayu akan memberi kesan dan mendorong anaknya belajar Bahasa Melayu secara positif.

### **1.8.2 Teori Ekologi**

Teori Perkembangan Ekologikal merupakan teori yang mementingkan pengaruh persekitaran ke atas perkembangan individu. Menurut Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979,1989) bahawa perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak adalah sebagai hasil interaksi antara persekitaran dengan kanak-kanak tersebut.

Interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran boleh mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Menurut teori Bronfenbrenner, proses perkembangan dan pertumbuhan yang terangkum dalam sistem persekitaran itu menekankan interaksi antara satu sama lain. Teori ini terdapat lima sistem yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, iaitu kronosistem, makrosistem, eksosistem, mesosystem dan mikrosistem.

Pembelajaran murid juga boleh didefinisikan sebagai proses perkembangan individu. Teori ekologi telah menyatakan bahawa proses perkembangan kanak-kanak akan dipengaruhi oleh persekitaran. Persekitaran dalam keluarga akan menentukan proses dan hala tuju perkembangan kanak-kanak. Teori tersebut telah menerangkan perhubungan antara sikap ibu bapa dan sikap murid-murid. Oleh itu, sikap pembelajaran murid terhadap Bahasa Melayu selalu dipengaruhi oleh ibu bapa mereka.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah memainkan peranan yang penting terhadap perpaduan masyarakat Malaysia. Walaupun rakyat Malaysia bebas dan berhak untuk menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi dengan kaum sendiri dalam pengurusan kehidupan. Tetapi, setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab dan mestilah menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan atau bahasa rasmi Malaysia telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Garis panduan ini juga termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010). Dalam Penyata Razak (1956), perenggan ke-12 telah menjelaskan matlamat dasar pelajaran yang menghendaki penyatuan para murid daripada semua bangsa dan kaum untuk menggunakan hanya satu aliran atau aturan pelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai pengantar utama di Malaysia.

### **1.9.1 Pihak Pentadbir Sekolah**

Kajian ini adalah kajian yang mengkaji sikap ibu bapa dan murid SJKC dan hubungannya dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak sekolah dalam menilai tahap sikap ibu bapa dan murid pada masa kini. Dengan merujuk kepada hasil kajian ini, pengkaji berharap agar pihak sekolah akan membangunkan rancangan untuk meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu di sekolah masing-masing dan memberi perhatian yang

serius terhadap faktor-faktor yang boleh membantutkan murid-murid untuk meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu murid-murid. Hal ini bagi mengelakkan pencapaian bahasa Melayu murid-murid semakin teluk.

### **1.9.2 Guru**

Pendidik merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu pendidikan tidak hanya di sekolah malah juga kepada negara. Dalam SJKC, tugas guru bahasa Melayu sangat penting untuk memupuk keminatan murid terhadap Bahasa Melayu. Kaedah dan cara mengajar seseorang guru juga memberikan kesan yang besar terhadap pencapaian Bahasa Melayu murid-murid.

### **1.9.3 Murid, Penyelidik Dan Masyarakat**

Kajian ini penting kepada murid sebagai pemimpin negara pada masa yang akan datang. Kajian ini juga penting samada kepada bakal guru, mahupun masyarakat lainnya yang bukan berada dalam profession perguruan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan menguasai Bahasa Melayu sahaja. Seterusnya mempersiapkan diri menghadapi cabaran yang wujud. Hal ini dapat memberi gambaran yang lebih terperinci kepada anggota masyarakat untuk bersama memberi sumbangan kepada perpaduan negara.

### **1.10 Skop kajian**

Kajian ini mengandungi beberapa skop iaitu objektif, subjek, keputusan, tempoh masa, dan kebaikan.



i. Objektif

Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrument soal selidik. Terdapat dua jenis pemboleh ubah tidak bersandar (IV) iaitu sikap ibu bapa dan sikap murid. Terdapat satu pemboleh ubah bersandar (DV) iaitu pencapaian Bahasa Melayu. Selain itu, terdapat beberapa faktor demografi yang ingin dikaji untuk melihat pengaruh faktor ini terhadap sikap ibu bapa dan murid dan pencapaian bahasa Melayu murid di sekolah. Faktor demografi yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah jantina.

ii. Subjek

Skop kajian ini akan dilaksanakan lima buah sekolah rendah di Daerah Batu Pahat, Johor. Seterusnya pengkaji akan mengagihkan instrument kajian kepada beberapa buah sekolah terpilih. Tujuan memilih subjek ini adalah kerana pengkaji percaya bahawa terdapat perbezaan antara sikap ibu bapa dan murid dengan pencapaian Bahasa Melayu antara sekolah-sekolah rendah masing-masing.

iii. Keputusan

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang mana pengkaji menggunakan aplikasi *SPSS versi 20* untuk menganalisis data.

iv. Kerangka Masa

Kajian ini akan mengambil masa lebih kurang 4 hingga 6 minggu untuk proses pengumpulan data dan mengambil masa antara 1 hingga 2 bulan untuk proses menganalisis data. Memandangkan ini adalah kajian kuantitatif maka ia berkemungkinan tidak akan mengambil masa yang terlalu panjang berbanding dengan kajian kualitatif.

## **1.11 Definisi Istilah dan Operasional**

Definisi istilah dan oprasional dalam kajian ini adalah meliputi definisi dan cara operasi tentang pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian. Kajian akan mengkaji sikap ibu bapa dan murid dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Definisi istilah dan operasional dalam kajian ini adalah sikap ibu bapa, sikap murid, pencapaian Bahasa Melayu dan demografi.

### **1.11.1 Sikap Ibu Bapa**

Ibu bapa merupakan orang terdekat pada seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal (Hairunnaja Najmudin, 2003). Proses pendidikan atau proses sosialisasi yang diterima oleh kanak-kanak sejak kecil dalam keluarga terpengaruhi oleh tingkah laku ibu bapanya. Status sosioekonomi keluarga merupakan faktor yang penting dalam latar belakang keluarga. Sikap ibu bapa terhadap Bahasa Melayu akan mempengaruhi sikap belajar murid dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian Bahasa Melayu. Sikap ibu bapa terhadap Bahasa Melayu akan mempengaruhi dan membina sesuatu persekitaran belajar yang berbeza terhadap murid. Ibu bapa yang lebih mementingkan pembelajaran murid akan menawarkan peluang belajar yang lebih selesa seperti membeli buku rujukan kepada anak atau menghantar anak ke pusat tuisyen.

Sikap ibu bapa akan dinilai dan dikaji melalui soal selidik yang direka oleh pengkaji. Pengkaji telah membina soal selidik yang merangkumi lima belas soalan yang berfokus tentang sikap ibu bapa terhadap Bahasa Melayu. Murid-murid akan memerhati dan mengikut tingkah laku ibu bapa lalu menjawab soal selidik dengan cara 3 Skala iaitu “Ya”, “Tidak Pasti” dan “Tidak”.

### **1.11.2 Sikap Murid**

Sikap mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan prestasi seseorang dalam pembelajarannya. Selain itu, sikap juga merupakan sesuatu yang abstrak dan hanya dapat diperhati atau dirasa melalui tindakan atau tingkah laku yang dilakukan. Dalam proses pembelajaran bahasa kedua, sikap seseorang sangat mempengaruhi sejauh mana dia itu sendiri dapat mempelajari dan menguasainya bahasa itu dengan cepat atau tidak (Zamri Mahamod, 2004). Sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu telah merangkumi kegemaran terhadap Bahasa Melayu, masa mengulang kaji dan bilangan penggunaan Bahasa Melayu dengan kawan di sekolah.

Sikap murid juga akan dinilai dan dikaji melalui soal selidik yang direka oleh pengkaji. Pengkaji membina soal selidik yang merangkumi lima belas soalan yang berfokus tentang sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid akan menjawab soal selidik dengan cara 3 Skala iaitu “Ya”, “Tidak Pasti” dan “Tidak”.

### **1.11.3 Demografi**

Faktor demografi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah merujuk kepada latar belakang responden seperti maklumat berkaitan jantina. Maklumat jantina akan direkad semasa murid menjawab soal selidik.

## **1.12 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, Bab 1 menjelaskan tentang pengenalan kepada kajian objektif kajian, latar belakang kajian, persoalan kajian, kerangka konsep dan kerangka teori yang dibentuk bagi kajian ini. Bab ini juga telah menjelaskan sebab dan mengapa kajian ini dijalankan. Dalam Bab seterusnya pengkaji akan menerangkan sorotan kajian lepas.

## RUJUKAN

- Abbasi, S. M., Hollman, K. W., & Hayes, R. D. (2008). Bad Bosses and How Not to Be One. *Information Management Journal*, 42, 52-56. Universiti putra Malaysia.
- Abdul Rahim bin Abu (2015). Sikap kanak-kanak orang asli di kuala lumpur terhadap penguasaan Bahasa melayu sebagai Bahasa kedua.
- Amina Noor (1994). *Merancang Masa Depan Cemerlang*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Istiramai Enterprise Sdn.Bhd.
- Ang Lay Hoon Che Radiah Mezah (2012). Masalah Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2) 2012.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-.84.2.191>
- Baharin Abu, Othman Md. Johan, Mohd. Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. 2007. *Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Projek Vote. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press
- Chew Fong Peng (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Issn: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 2 (Nov. 2016): 10-22.
- Chew Fong Peng & Lee Tan Luck. 2009. Masalah pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).

- Fraser, E. (1959). *Home Environment and The School*. London University of London, Press for Scottish Council For Educational Research.
- Forgionne, G. A., & Peeters, V. E. (1982). Differences in job, motivation and satisfaction among female and male managers. *Human Relations*, 35(2), 101-118.
- Gardner, R.C (1985). *Social Psychology And Second Language Learning: The role Attitudes And Motivation*. London: Edward Arnold.
- Hanafiah Muhd Salleh (1997) Isu remaja dan penyelesaiannya. In: Osman Ali, Noor Hassim Ismail, Hashami Bohari, Hanafiah Muhd Salleh (eds) *Isu–isu kesihatan masyarakat*, bab 3. Penerbit UKM, Bangi.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Hulin C.L. & Smith P.C. (1964). Sex Differences in Job Satisfaction. *Journal of Applied Psychology*. 48(1).88-92.
- Kamaliah Bte Hj Abdullah (2001). *Pengaruh Faktor Dorongan, Hubungan Dan Kerjaya Ibu Bapa Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Tesis Sarjana Muda.
- Krashen, S. (1994). The input hypothesis and its rivals. In N. Ellis (Eds.). *Implicit and explicit learning of languages*. London: Academic Press
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suradi Salim (1991). *Tinjauan Sikap dan Tabiat Belajar Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor*. *Jurnal Pendidikan*.
- Zamri Mahamod, Zarina Othman (2001). *Sikap Pelajar Cina Terhadap Pemelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Dewan Bahasa, Februari 2001 Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani Dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap Dan Kemahiran Bahasa*. *Jurnal*

Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 1 (Mei 2016): 38-51.

Zamri Mahamod.(2004). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajarMelayu sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan.

Zainudin Abu Bakar & Fazilah Tumin (2011). Hubungan Antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar. Journal of Educational Psychology and Counseling, volume 1 Mac 2011, Pages 25-43 / ISSN: 2231-735X

Zulkifley Hamid. (2005). Penilaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (1994). Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.